

07 FEB 2003

DBP-Bahasa

DEWAN BAHASA SAMBUT BAIK DASAR KERAJAAN KEKALKAN BAHASA MELAYU

PULAU PINANG, 7 Feb (Bernama) -- Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menyambut baik langkah kerajaan mengekalkan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah.

Ketua Pengarah DBP Datuk A. Aziz Deraman hari ini berkata langkah tersebut membuktikan kerajaan tidak pernah berhasrat untuk menghapuskan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah.

Oleh demikian, usaha kerajaan memperkenalkan sistem pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris untuk menjamin rakyat Malaysia tidak ketinggalan dalam bidang tersebut, tidak sepatutnya dijadikan isu lagi.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Seminar Pengajaran dan Pembelajaran Komponen Kesustaseraan Melayu (KOMSAS) di Dewan Budaya, Universiti Sains Malaysia (USM), di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini menegaskan bahawa mata pelajaran selain daripada Matematik dan Sains di sekolah-sekolah, akan terus diajar dalam bahasa Melayu.

Pada sidang media selepas itu, beliau berkata bahasa Melayu perlu dimantapkan lagi memandangkan bahasa itu menjadi bahasa perpaduan di negara ini.

"Sekarang dapat dilihat, pelbagai kaum di negara ini menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan hasil daripada Dasar Bahasa Kebangsaan yang diketengahkan dulu," katanya.

Selain itu, beliau juga menyarankan pusat-pusat pengajian dan badan-badan berkanun dan bukan kerajaan mengarang dan menerbitkan buku-buku dalam pelbagai bidang sebagai bahan rujukan dan bacaan umum.

"Ini kerana penerbitan seumpama itu agak kurang di negara ini dan DBP juga berbesar hati jika usaha ini dapat dilakukan bersama," katanya.

Katanya di universiti sendiri, pelbagai aspek boleh dijadikan sebagai penerbitan seperti hasil penyelidikan dan ketokohan pemimpin.

Aziz berkata KOMSAS diperkenalkan sebagai satu lagi usaha kerajaan memulihara tamadun dan budaya negara ini yang berakar umbi menerusi bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya," katanya.

Beliau berkata KOMSAS juga dapat mempertingkatkan dan memperkukuhkan kemahiran berbahasa daripada segi pendengaran, pertuturan, pembacaan dan penulisan di kalangan pelajar.

Seminar dua hari itu memberi tumpuan kepada meningkatkan penghayatan guru-guru bahasa Melayu terhadap KOMSAS dan sistem pengajaran di dalam bilik darjah.

-- BERNAMA

ROR ZS LAT